

**Soalan No: 15**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]**

**TARIKH : 14.11.2016**

**SOALAN :**

**Datuk Abd Rahim bin Bakri [ Kudat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah pembinaan SMK Kanibongan dapat disiapkan memandangkan projek ini sudah terlalu lama tergendala dan progres pembinaannya terlalu perlahan dan apakah punca kelewatan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Status kemajuan pembinaan SMK Kanibongan sehingga 30 September 2016 adalah 20.65 peratus dan lewat daripada jadual yang dirancang. Kelewatan pembinaan ini adalah disebabkan oleh perubahan reka bentuk ekoran penemuan batu-batuhan di tapak pembinaan tersebut. Selain daripada itu, terdapat juga pengubahsuaian terhadap orientasi bangunan, kerja-kerja luaran dan infrastruktur. Kementerian Pendidikan memandang serius isu kelewatan tersebut. Pemantauan berkala dilaksanakan secara konsisten bagi memastikan aktiviti pembinaan projek berjalan dengan lancar.

RJM49

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2016  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @  
TIAN CHUA [ BATU ]**

**TARIKH : 14.11.2016 (ISNIN)**

**SOALAN : 16**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-

menyatakan apakah status terkini perlaksanaan Dasar Pemberian Milik Tanah Orang Asli (DPPTOA). Adakah DPPTOA ini akan diteruskan atau tidak. Adakah sebarang pindaan telah atau akan dilakukan. Jika ya, adakah Orang Asli akar umbi dibawa berunding

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah komited dalam usaha untuk membangunkan tahap sosioekonomi masyarakat Orang Asli menerusi pembangunan tanah secara terancang dan komprehensif. Justeru itu, Kementerian ini menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah menyediakan Kertas Dasar Pembangunan dan Pemberimilikan Tanah Orang Asli (DPPTOA) yang telah dipersetujui dalam Majlis Tanah Negara (MTN) kali ke-65 pada 4 Disember 2009 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri.

Meskipun begitu, pada 17 Mac 2010 menerusi Mesyuarat Jemaah Menteri telah memutuskan supaya dasar berkenaan dikaji semula ekoran terdapatnya memorandum bantahan daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO) Orang Asli. Selain itu juga, SUHAKAM turut melaksanakan Inkirai Nasional Hak Tanah Orang Asli dan laporan berkenaan telah dikeluarkan pada 19 Julai 2014 bagi makluman umum.

Menyedari hak tanah Orang Asli merupakan suatu perkara yang amat besar dan penting, dengan itu pihak Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Hak Tanah Orang Asal / Asli yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Jawatankuasa Khas ini melibatkan Ketua Kerajaan Negeri, Menteri daripada Kementerian Persekutuan yang berkaitan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri serta Jabatan Peguam Negara.

Jawatankuasa Khas Kabinet telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja yang dipengerusikan oleh YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Jawatankuasa Kerja ini bertindak sebagai platform untuk mengetengahkan pandangan kolektif dan amalan beberapa Kerajaan Negeri mengenai isu-isu kepentingan bersama dan untuk mencari penyelesaian yang praktikal dalam menangani pelbagai tugas yang besar dan cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri. 3 orang pegawai turut ditempatkan di Bahagian Integriti dan Tadbir Urus, Jabatan Perdana Menteri (BITU, JPM) secara khusus untuk membantu dalam memastikan kelancaran pelan pelaksanaan tersebut

Kementerian ini telah dilantik bagi menganggotai kedua-dua Jawatankuasa Khas dan Jawatankuasa Kerja berkenaan. Sehubungan dengan itu, keutamaan Kementerian pada masa ini adalah untuk melaksanakan mandat yang diberikan oleh Kerajaan menerusi kedua-dua Jawatankuasa berkenaan bagi menyelesaikan isu-isu tanah berkaitan Orang Asli dengan lebih berkesan. Sebarang tindakan yang diambil menerusi jawatankuasa berkenaan akan turut mengambil kira perundingan dengan masyarakat Orang Asli sehingga ke peringkat akar umbi.